

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTA JAM ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sukan berbasikal kini semakin diminati ramai, jalanraya kini dibanjiri dengan penunggang-penunggang basikal, adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan kemudahan laluan bagi penunggang basikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong sepenuhnya sukan berbasikal yang semakin diminati ramai pada masa ini. Selaras dengan itu, KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) menyediakan laluan berbasikal sebagai salah satu komponen dalam projek Landskap Perbandaran. Pembangunan laluan basikal ini dibuat bersesuaian mengikut ruang dan penggunaan selaras dengan tujuan Landskap Perbandaran untuk meningkatkan kualiti landskap di bandar-bandar yang menekankan pembangunan jaluran hijau di bandar. Pembangunan laluan pejalan kaki dan basikal di bandar turut bertujuan untuk meningkatkan perhubungan fizikal antara satu kawasan ke kawasan yang lain (*connectivity*).

2. Sehingga kini KPKT telah menyediakan laluan berbasikal menerusi projek Landskap Perbandaran Pekan, Pahang dan projek Landskap Perbandaran Tawau, Sabah. Selain itu, KPKT juga dalam peringkat perancangan membangunkan Landskap Perbandaran Dungun, Terengganu dan Landskap Perbandaran Kota Bharu, Kelantan yang juga akan mempunyai komponen laluan berbasikal.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) juga ada menyediakan peruntukan di bawah BP.1 bagi melaksanakan projek kemudahan laluan basikal di bawah skop peruntukan kemudahan awam di kawasan PBT. Pada tahun 2019, KPKT telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2.17 juta kepada 4 PBT yang melibatkan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi membina laluan basikal, membina bumbung di laluan basikal dan membina laluan pejalan kaki. Cadangan

pembinaan laluan basikal dari kawasan lain akan dipertimbangkan setelah menerima permohonan dari PBT.

4. Bagi kawasan Putrajaya, kemudahan laluan basikal merupakan satu elemen perancangan yang wajib disediakan oleh pemaju semasa pembangunan baharu sepertimana yang disyaratkan dalam kelulusan Pelan Susun Atur. Perbadanan Putrajaya juga sedang mengkaji perancangan laluan basikal mengguna laluan motosikal. Laluan baharu yang dirancang ini akan melibatkan bulatan luar sejauh 24km dan bulatan dalaman sejauh 18km.

5. Bagi kawasan Kuala Lumpur pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan Pelan Induk Pejalan Kaki dan Basikal Kuala Lumpur serta menetapkan jajaran dan spesifikasi laluan basikal dan pejalan kaki dengan mengambil kira semua aspek termasuk aspek keselamatan dan keberkesanan kepada orang awam. Sehingga kini Kuala Lumpur telah membina laluan basikal sepanjang 28.55km.

6. Selain itu, DBKL juga telah menyediakan ruang berbasikal dan rekreasi yang dibangunkan di jajaran River Of Life (ROL) bermula dari jajaran PWTC hingga ke jajaran Mid Valley sepanjang lebih kurang 10.7km merangkumi kawasan tepian sungai dan sebahagian jajaran Jejak Warisan. DBKL juga mempunyai perancangan penyambungan laluan basikal ini yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada masa yang sama, DBKL juga merancang untuk mengadakan pelan tindakan bagi menggalakkan aktiviti pejalan kaki dan berbasikal selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Rendah Karbon.

Sekian, terima kasih.